




Si Cili Hijau, Si Cili Merah dan Si Cili Padi
tinggal di kebun milik Pak Ahmad.
Mereka bertiga berbual-bual tentang kelebihan
diri masing-masing


Aku cantik kerana warnaku merah.
Aku lebih pedas berbadning dengan kamu,
Si Cili Hijau.
Aku juga dapat meningkatkan kadar metabolisme.

Ya, Si Cili Merah. Aku pula dapat menjaga
sistem ketahanan tubuh,

Namun, gabungan kita berdua dalam masakan
akan mencantikkan hidangan.



Jika mahu msakan lebih pedas lagi,
itu tugas aku.
Itulah sebabnya, ada peribahasa
“Kecil-kecil cili padi”.



Kita senua penting untuk menambahkan keenakan dalam
masakan.

Pak Ahmad menjaga keluarga kita dengan baiknya. Kita perlu
hidup dengan suburnya. Hasil jualan kita akan meningkatkan
pendapatan Pak Ahmad.

